

# Tabung Haji lantik panel pelaburan profesional

BH 1 SEP 2001

Tabung Haji akan melakukan beberapa perubahan pengurusan dan menukar strategi supaya lebih berkesan

**Oleh Nadzim Ahmad Jamalludin**

SEPANG, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) akan melantik orang yang lebih profesional menganggotai panel pelaburannya serta menukar strategi bagi memastikan ia lebih berkesan.

Perdana Menteri berkata, bagi tujuan itu Tabung Haji akan mengalami sedikit perubahan dalam pengurusannya.

“Dulu kita dapati panel pelaburan Tabung Haji terdiri daripada ahli profesional dan pada masa itu ia telah melabur dalam saham yang memberi pulangan baik.

“Lepas itu, ‘ada orang tertentu’ telah menukar panel pelaburan itu dan mengisinya dengan orang yang tidak begitu profesional

**Tabung Haji semak semua akaun – Muka 6**

dan dengan itu pelaburan Tabung Haji kita dapati tidak memberi pulangan yang baik.

“Itulah sebabnya kita dapati selain daripada kesan kemerosotan ekonomi, pelaburan juga kurang bijak,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Merdeka Millennium Endurance 2001 (MME 2001) di Litar F1 Sepang, di sini petang ini.

MME 2001 adalah perlumbaan kereta tanpa henti selama 12 jam yang diadakan setiap tahun sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas pelbagai isu mengenai Tabung Haji, termasuk yang terbaru membabitkan kehilangan lebih RM9 juta daripada akaun pendepositnya.

*Berita Harian* sebelum ini melaporkan bekas Pengerusi dan Pengarah Besar Tabung Haji, Tan Sri Hanafiah Ahmad, sebagai berkata krisis yang melanda Tabung Haji sekarang disebabkan keputusan tidak tepat dan telus dalam membuat pelaburan, terutama membabitkan projek besar.

Beliau dilaporkan berkata, keadaan itu berlaku kerana tiada badan khusus yang mengawasi, mengawal selia dan memantau kegiatan pelaburan Tabung Haji.

Ketiadaan badan bebas seperti yang pernah diwujudkan sebelum 1995 itu menyebabkan ada keputusan dalam menentukan pelaburan

**LIHAT MUKA 2**

# Dr M kecewa tindakan pekerja Tabung Haji

## DARI MUKA 1

dibuat secara adhoc dan tidak profesional.

Sehubungan itu, penyusunan semula Tabung Haji perlu mengambil kira perkara ini dengan mewujudkan semula Jawatankuasa Panel Pelaburan yang dimansuhkan pada 1995, berikutan wujudnya Akta Tabung Haji 1995.

Keberkesanan jawatankuasa bebas itu, yang diwujudkan dalam Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 terbukti, malah Tabung Haji mendapat pengiktirafan dunia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin baru-baru ini pula berkata, pengurusan Tabung Haji akan disusun semula secara menyeluruh bagi mengelakkan organisasi itu rugi besar.

Tabung Haji yang ditubuhkan pada 1963 mempunyai dana berjumlah RM10.1 bilion membabitkan 4.5 juta pendeposit hingga 30 April lalu. Awal tahun ini, ia mengeluarkan dividen dan bonus 5.5 peratus bagi tahun kewangan 2000.

Mengulas kes kehilangan RM7.725 juta dari dua akaun pendeposit Tabung Haji sejak sebulan lalu dan kes terbaru membabitkan RM1.4 juta yang dilaporkan kepada polis semalam, Dr Mahathir berkata beliau dukacita kerana perkara seperti itu boleh terjadi.

"Kita akan selidik siapa yang terbabit dan kita akan ambil tindakan undang-undang. Kita berasa amat dukacita kerana dalam Tabung Haji pun ada orang yang tidak betul," katanya.

Ditanya mengenai Tan Sri Zainol Mahmood yang dilantik semula sebagai Pengerusi Tabung Haji bagi menggantikan Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, Perdana Menteri berkata perubahan itu ialah bagi membolehkan Dr Abdul Hamid menumpukan perhatian kepada tugas menangani masalah berkaitan agama.

"Nampaknya, beban kerjanya meningkat. Sebab itu saya suruh dia tinggalkan Tabung Haji untuk menumpukan kepada masalah, terutama pendidikan agama yang didapati begitu meruncing," katanya.

Zainol, 64, bekas Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia, dilantik kali pertama sebagai Pengerusi Tabung Haji pada 1 Ogos 2000 hingga, 1 Februari lalu sebelum digantikan oleh Dr Abdul Hamid.

Zainol sekali lagi dilantik menjadi pengerusi organisasi itu berkuatkuasa 10 Ogos lalu.